

KHUTBAH JUMAAT: IBADAH KORBAN MANIFESTASI KEUNGGULAN IMAN

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. dengan meningkatkan lagi kualiti ibadah samada yang wajib ataupun sunat sebagai bukti ketakwaan kita kepada Allah. Justeru, marilah kita pada hari yang berbahagia ini terus memastikan tahap ketakwaan kita kepada Allah S.W.T. terus mantap dan mampu kita jelmakan dalam amalan dan perbuatan seharian. Jadikan takwa itu, sebagai bekalan kita untuk melayari hidup ini dan mudah-mudahan hembusan nafas terakhir kita tatkala meninggalkan alam ini juga diiringi dengan takwa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi kita akan menemui satu bulan yang padanya mengandungi pelbagai hikmah dan kenikmatan. Itulah bulan Zulhijjah yang mana ibadah Haji dilaksanakan oleh seluruh Muslimin sebagai bukti ketaatan dan ketaqwaan kehadiran Allah S.W.T selain tuntutan melaksanakan ibadah korban yang akan disentuh dalam mimbar Jumaat pada hari yang mulia ini. Ibadah korban ini sebenarnya adalah suatu pernyataan dari hati yang tulus dan tawadhu' daripada seorang hamba kepada Pencipta-Nya. Ini telah terbukti melalui ayat-ayat Allah serta sejarah para nabi terdahulu yang telah melaksanakan ibadah korban bermula pada zaman Nabi Adam A.S., Nabi Nuh A.S., Nabi Ibrahim A.S. dan tuntutan melaksanakannya berterusan sehingga kini iaitu ke atas umat Nabi Muhammad S.A.W.

Menurut Syeikh Daud al-Fathoni, dalam Kitabnya Furu' al-Masail, korban membawa maksud haiwan yang disembelih kerana ibadah pada Hari Raya Idul Adha pada tanggal 10 Dzulhijjah dan hari-hari tasyriq iaitu pada 11, 12

dan 13 Dzulhijjah dengan matlamatnya untuk mendamping serta mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Haiwan yang sah disembelih untuk ibadah korban itu hendaklah dari haiwan ternakan (an'am) seperti unta atau yang sejenisnya, lembu atau yang sejenisnya, kerbau atau yang sejenisnya dan kambing atau yang sejenisnya seperti biri-biri dan kibasy.

Firman Allah S.W.T.:

Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat Kami syari'atkan ibadat menyembelih korban supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka daripada binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya, dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang yang tunduk taat.

(Surah Al-Hajj: 34)

Selain dari itu, haiwan yang akan dikorbankan hendaklah dipastikan sihat (tidak berpenyakit) dan selamat daripada sebarang kecacatan atau aib yang boleh mengurangkan daging atau lemaknya atau anggota lain yang boleh dimakan. Perkara ini dijelaskan sendiri oleh Rasulullah S.A.W. melalui sabda baginda yang bermaksud:

"Empat perkara yang tidak boleh ada pada binatang korban itu, lalu Baginda bersabda: "Buta yang nyata butanya, sakit yang nyata penyakitnya, tempang yang nyata tempangnya dan yang kurus serta lemah."

(Riwayat Abu Daud)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebagaimana yang kita ketahui, berkorban itu hukumnya adalah sunat mu'akkad iaitu sunat yang sangat dituntut. Jumhur ulama juga mengatakan ia adalah sunat bagi orang yang mampu. Makruh hukumnya bagi orang yang mempunyai kemampuan tetapi ia tidak melaksanakannya. Walau bagaimanapun, jika ibadah korban ini ditinggalkan tanpa sebarang keuzuran,

maka ia tidaklah berdosa dan tidak wajib bagi seseorang itu untuk mengqadha'nya.

Begitu juga, ibadah korban ini adalah satu mekanisma atau cara untuk mempereratkan lagi hubungan bermasyarakat. Mereka yang mampu melakukan ibadah korban ini akan membahagikan sebahagian daging korban tersebut kepada orang-orang lain terutama kepada fakir, miskin dan mereka yang kurang bermampuan. Sunat bagi orang yang berkorban itu memakan sebahagian daripadanya. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Maka makanlah daripadanya dan beri makanlah kepada orang-orang yang sangat fakir”.

(Surah Al-Hajj: 28)

Berdasarkan kepada ayat yang dinyatakan, para ulama berpendapat bahawa selain daripada sunat dimakan iaitu 1/3 dari haiwan tersebut, sebahagian yang lain pula disedekahkan dalam keadaan mentah lagi kepada orang-orang fakir atau miskin yang Islam. Maka disunatkan kepada mereka yang menjalankan ibadah korban agar mengambil sepertiga dari daging tersebut untuk keluarga sendiri dan memebrikan selebihnya kepada orang-orang miskin dan orang-orang yang meminta. Dan jika diberi keseluruhannya kepada fakir miskin maka itulah yang sebaiknya.

Adalah afdhal bagi mereka yang berkorban untuk memakan hati haiwan yang dikorbankan, kerana telah diriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. telah makan sebahagian daripada hati haiwan korbannya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah.

Satu perkara lagi yang perlu diketahui adalah kita dilarang untuk memberi atau menghadiahkan daging korban walaupun hanya sedikit kepada orang kafir, sekalipun mereka itu kaum kerabat, sama ada ia korban wajib atau

sunat kerana berkorban itu adalah perkara yang berhubung dengan persoalan ibadah. Di dalam kitab Matla' al-Badrain, menyatakan:

“... haram hukumnya memberi, menghadiahkan atau menjual daging korban tersebut kepada orang bukan Islam, sekalipun fakir miskin itu terdiri daripada kafir zimmi”.

Oleh sebab itu, sekiranya terdapat sebahagian daging tersebut yang diberikan, dihadiahkan atau dijual kepada orang bukan Islam, maka ia wajib diganti dengan daging yang lain yang menyamai kadar berkenaan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Ibadah korban ini sebenarnya mempunyai nilai yang sangat tinggi sekiranya kita menghayatinya dari sudut ibadah dan kemasyarakatan. Ibadah korban yang dilakukan adalah satu penyaksian diri terhadap ketaqwaan kita kepada Allah s.w.t. Ia adalah satu cara kita mendekatkan diri kepada Allah. Allah s.w.t berfirman di dalam surah Al-Haj, ayat 37:

Ertinya: Darah yang mengalir dari binatang yang dikorbankan juga daging yang diperolehi dari binatang tersebut, sekali-kali tidak sampai kepada Allah. Akan tetapi yang sampai kepada Allah adalah ketaqwaan dalam diri kamu. Begitulah Allah permudahkan binatang-binatang itu untuk kamu agar kamu membesarkan Allah atas apa yang Dia anugerahkan kepada kamu. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang melakukan kebaikan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Jika kita tinjau dengan lebih teliti lagi akan ibadah ini, kita akan dapati bahawa ia mempunyai pengajaran yang tinggi. Antara pengajaran-pengajaran yang boleh kita dapati adalah :

Pertama: Sikap sanggup berkorban seseorang individu untuk kemaslahatan masyarakat. Sikap seperti inilah yang amat kita perlukan dalam suasana

masyarakat pada hari ini, kerana ia merupakan antara tonggak kekuatan sesebuah masyarakat Islam dalam usaha untuk membina sebuah kesatuan ummah yang mempunyai nilai dan jati diri yang kukuh. Di dalam ibadah korban, kita melihat bagaimana sifat tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain yang dizahirkan tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan dan bangsa dilakukan secara bersama di bawah satu payung ‘. Bagaimana yang kaya menolong yang miskin, yang bermampuan membantu mereka yang kurang mampu. Inilah prinsip Islam yang sangat mulia, tolong menolong antara satu sama lain.

Kedua: Sikap berbuat baik atau ihsan. Islam mensyariatkan kepada umatnya agar berbuat baik kepada semua makhluk termasuklah haiwan ketika hendak menyembelihnya. Sabda Rasulullah s.a.w:

Ertinya: Sesungguhnya Allah telah menuliskan kebaikan pada setiap sesuatu. Maka apabila kamu ingin membunuh (binatang) maka bunuhlah dengan baik, dan jika kamu ingin menyembelih maka sembelihlah dengan baik. Dan hendaklah salah seorang dari kamu menajamkan pisau sembelihannya dan menenangkan binatang yang hendak disembelih itu.

Hadis ini jelas menyatakan bahawa kita perlu sentiasa berbuat baik walaupun terhadap haiwan atau binatang yang akan dikorbankan. Lebih-lebih lagi sesama manusia, sudah pasti ianya sangat dituntut dan dititik-beratkan.